



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN INDUSTRI
KOD KURSUS : BBT 41002
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH : JUN 2015 /JULAI 2015
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN YANG
DISEDIAKAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

BBT 41002

- S1** (a) Jelaskan takrifan berikut:
(i) industri.
(ii) loji
(3 markah)
- (b) Berbantukan rajah yang sesuai, nyatakan bagaimana pengoperasian industri pembuatan di negara ini beroperasi.
(7 markah)
- (c) Bincangkan lima (5) langkah dalam pemilihan loji dilakukan sebelum pelaburan dibuat oleh industri
(10 markah)
- S2** (a) Nyatakan maksud berikut:
i. Rekabentuk kerja
ii. Analisis kerja
(4 markah)
- (b) Jelaskan maksud analisis kehendak pelanggan dan kepentingannya terhadap produk yang dipasarkan.
(6 markah)
- (c) Jelaskan bagaimana strategi rekabentuk dan perancangan produk perlu dibuat dalam memastikan produk tersebut memenuhi kehendak pelanggan.
(10 markah)
- S3** (a) “Susun atur mesin dan peralatan hendaklah dibuat dengan teliti untuk membolehkan setiap loji boleh beroperasi secara efektif dan selamat.”
Berdasarkan pernyataan diatas, terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi susunatur loji.
(4 markah)
- (b) Bincangkan empat (4) jenis susunatur yang sering diamalkan di loji.
(6 markah)
- (c) “Aktiviti penyimpanan bahan atau barangan diloji perlu dilakukan dengan teliti dan dengan mengikut amalan yang telah ditetapkan oleh pengilang. Penyimpanan harus menepati objektifnya iaitu bagi memastikan setiap item yang diterima tidak akan rosak atau menurun kualitasnya, mudah dicapai dan mudah bagi kerja verifikasi”.
Terangkan lima (5) tindakan yang perlu dilakukan semasa proses penyimpanan.
(10 markah)

- S4** (a) “Pengurusan Kualiti Menyeluruh (Total Quality Management) merupakan satu alat kawalan dalam memastikan industri diurus dengan cekap dan efektif”

Berdasarkan pernyataan diatas, terangkan lima (5) komponen utama dalam melaksanakan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM).

(10 markah)

- (b) “Pengurusan sistem kualiti boleh diterjemahkan ke dalam pelbagai sistem pengauditan yang telah sedia ada”.

Berdasarkan pernyataan diatas, terangkan lima (5) kaedah dalam melaksanakan sistem ISO 9002:2008 di organisasi anda.

(10 markah)

- S5** (a) Terangkan maksud akta 513 atau Akta Kilang dan Jentera 1967.

(3 markah)

- (b) Berbantukan carta alir proses, terangkan bagaimana kaedah penyiasatan kemalangan dilakukan di industri.

(7 markah)

- (d) Dengan berbantukan contoh yang sesuai, huraikan kandungan dalam Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan terhadap bahaya kemalangan besar dalam perindustrian) 1996.

(10 markah)

-SOALAN TAMAT-